

Seorang Anggota Polis Marin Terbunuh, Seorang Diculik Dalam Serangan Di Pulau Mabul

Bernama

July 13, 2014

KOTA KINABALU, 13 Julai (Bernama) -- Seorang anggota Pasukan Polis Marin terbunuh manakala seorang lagi hilang dipercayai diculik, apabila pasukan keselamatan itu diserang hendap sekumpulan lapan lelaki bersenjata dalam kejadian di sebuah resort di Pulau Mabul, Semporna malam tadi.

Pengarah Operasi Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) Datuk Abdul Rashid Harun berkata anggota yang terkorban dikenali sebagai Koperal Ab Rajah Jamuan, 32, manakala yang hilang dikenal pasti sebagai Konstabel Zakia Aleip, 26.

Kumpulan itu yang menggunakan senjata berat membuat serangan hendap tersebut pada pukul 11.10 malam ketika anggota marin terbabit berada di Mabul Water Bungalow Resort, Pulau Mabul, katanya kepada pemberita di sini.

Menurut Abdul Rashid berkata kumpulan penjenayah berkenaan berpakaian seluar celoreng, baju hitam dan menutup muka.

Selepas melakukan serangan itu kumpulan terbabit melarikan diri ke perairan negara jiran, katanya.

"Kumpulan ini bertujuan melakukan penculikan di resort tersebut tetapi sebaliknya telah menyerang kedua-dua anggota polis tersebut. Jika ini punca (serangan) tersebut, ini merupakan pengorbanan pasukan keselamatan dalam mencegah kejadian culik daripada berlaku," katanya.

Abdul Rashid berkata pihaknya juga tidak menolak kemungkinan serangan berkenaan disasarkan kepada anggota keselamatan negara susulan peningkatan penguatkuasaan di kawasan itu dengan ramai suspek ditangkap.

Katanya usaha sedang dijalankan bagi mengesan kumpulan terbabit serta anggota polis marin yang dilarikan.

Beliau turut menegaskan kejadian itu tidak akan menghalang Esscom daripada

meneruskan usaha penguatkuasaan yang dirancang serta menasihatkan anggota pasukan keselamatan yang bertugas dalam kawasan Esscom agar meningkatkan kewaspadaan dan kesiapsiagaan.

Abdul Rashid juga mengingatkan masyarakat supaya tidak membuat sebarang spekulasi mengenai kejadian itu dan memberi peluang kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053302>